

09 MAR 1999

Mahkamah-Anwar (Azmin)

ANWAR BERI RM3,000 SEBULAN UNTUK WANG RUNCIT, KATA AZMIN

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Bekas setiausaha sulit Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata bekas Timbalan Perdana Menteri itu memberinya RM3,000 sebulan sebagai sumbangan untuk urusan wang runcit pejabat serta sumbang kecil kepada rakyat miskin yang ke pejabat memohon pertolongan.

Mohd Azmin Ali berkata beliau mengisytiharkan wang berkenaan sebagai pendapatannya kepada Badan Pencegah Rasuah kerana wang itu diberikan kepadanya untuk dipegang.

"Saya mengisytiharkan wang itu sebagai pendapatan kerana ia diberikan kepada saya untuk dipegang," katanya yang menolak cadangan Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail bahawa wang berkenaan diberikan Anwar untuk kegunaannya sendiri.

Azmin berkata demikian sebagai saksi pembela ke-14 pada perbicaraan kes rasuah Anwar yang masuk hari ke-68 dan didengar di hadapan Hakim Datuk S. Augustine Paul.

Anwar, 51, yang juga bekas menteri kewangan menghadapi empat pertuduhan rasuah kerana menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam siasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya bagi mengelakkan keaiban.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya sekali.

Ketika pemeriksaan semula Azmin, 34, berkata sumbangan itu bukan untuk pendapatan peribadinya tetapi adalah "untuk menguruskan sumbangan kepada rakyat yang miskin yang datang ke pejabat, untuk kenduri kahwin, tambang bas dan juga sebagai wang runcit".

Beliau berkata kerajaan tidak menyediakan peruntukan bagi tujuan itu.

Sebelum itu semasa Gani cadangkan kepada beliau bahawa beliau tahu bahawa polis sedang menyiasat mengenai harta dan pendapatan beliau dan isterinya, Azmin berkata; "Yang Arif, apa kaitannya siasatan perolehan harta saya dengan mengambil gambar kemaluan saya".

Pada pertengahan jawapannya, Gani mencelah dan menegur bahawa saksi menjawab soalan dengan soalan dan kemudian meminta mahkamah merekodkan bahawa saksi itu mengelak daripada menjawab soalan dan jawapannya tidak relevan.

Kepada isu mengenai pendapatannya, Azmin, yang pernah menjadi guru selama satu hari di Sekolah Menengah Sains Selangor sebelum dilantik sebagai pegawai khas Menteri Pendidikan pada 2 Okt 1987, beberapa kali menyatakan tidak ingat gaji yang diperolehinya.

Ketika Fernando membantah soalan itu, Gani berkata pembela juga telah bertanya kepada Ummi Hafilda Ali dan Azizan Abu Bakar mengenai status kewangan mereka.

Gani berkata pendakwa ingin menunjukkan kredibiliti Azmin dan bahawa dia seorang saksi yang berat sebelah.

"Keterangan kami menunjukkan bahawa dia menerima wang sebagai sebahagian daripada pendapatannya dari tertuduh," katanya.

Semasa ditanya berapa gajinya pada tahun 1997, Azmin berkata, "kalau tidak silap ingatan saya, mulai penghujung 1997, pendapatan kasar saya dalam lingkungan RM5,000," dan berkata gred terakhirnya sebagai pegawai kerajaan ialah N1 khas untuk penyandang tanpa mengingati bila memegang jawatan gred itu.

Beliau berkata sumber pendapatan beliau yang lain ialah melalui

isterinya yang bertugas sebagai perunding di Phileo Allied Bhd dengan gaji RM5,000 sebulan dan perniagaan serta saham isterinya.

Azmin bersetuju dengan Gani bahawa beliau ada membuat pengisytiharan harta pada BPR tetapi tidak ingat tarikhnya.

Fernando membantah soalan itu kerana ia tiada kaitan dengan pertuduhan kes itu dan bersangkutan dengan tuduhan kelima yang belum dibicarakan tetapi Paul membenarkan setelah Gani memberitahu ianya bagi menunjukkan kredibiliti saksi.

Sebelum itu semasa ditanya mengenai penangkapannya, Azmin menolak cadangan Gani bahawa beliau tahu bahawa ianya berkaitan siasatan mengenai perolehan harta dan pendapatannya dan isterinya antara tahun 1992 dan 1995.

Azmin berkata polis menahannya selama tujuh hari mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah setelah permohonan mereka untuk menahannya selama 14 hari ditolak oleh Mahkamah Majistret.

Katanya majistret membebaskannya semasa permohonan perlanjutan tahanan remannya dibuat pada 22 Sept 1998 setelah beliau bersama-sama peguamnya C.V. Prabhakaran berhujah dan membela diri.

Azmin berkata beliau menggunakan kesempatan yang singkat yang diberikan oleh majistret untuk memberitahunya mengenai apa yang dilakukan oleh polis kepadanya dan meminta keizinan untuk meneruskan hujah.

Beliau bersetuju dengan cadangan Gani bahawa rekod majistret tidak menunjukkan yang beliau memohon lebih masa untuk berhujah.

"Saya menyatakan kepada majistret mengapa tahanan saya tidak boleh dilanjutkan ialah kerana tindakan dan ugutan polis semasa dalam tahanan adalah terlalu kejam dan memaksa saya membuat pengakuan yang melibatkan saudara Anwar," katanya ketika disoal balas Fernando kemudiannya.

Semasa ditanya mengenai surat yang dituliskannya kepada Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Datuk Yaakub Amin pada 23 Sept 1998, Azmin berkata beliau berbuat demikian sebagai jaminan bahawa dakwaan polis semasa ditahan terpaksa dibuktikan dengan dokumen tambahan.

Beliau mengakui memohon maaf sekiranya menimbulkan masalah kepada polis dan menghargai budibicara Yaakub sebelum mengucapkan terima kasih kepadanya.

Dalam pemeriksaan semula beliau menjelaskan bahawa itu adalah caranya menulis surat kepada rakan-rakan di jabatan lain yang dimulakan dan diakhiri dengan ayat-ayat yang sopan.

Mengenai ASP Rodwan Yusuf, Azmin berkata permintaan pegawai polis itu supaya membawa anak perempuannya yang berumur dua setengah tahun ke Bukit Aman untuk memberikan keterangan adalah benar.

Ketika ditanya mengenai hubungannya dengan Anwar, Azmin berkata beliau diperkenalkan kepada bekas menteri kewangan itu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau mempunyai hubungan yang rapat dengan Dr Mahathir dan isteri serta keluarganya, katanya, yang mahu meneruskan keterangan mengenainya sebelum ditegur oleh hakim kerana tidak menjawab soalan.

Azmin, bekas pelajar Universiti Minnesota, Duluth, Amerika Syarikat, berkata beliau telah menghubungi Perdana Menteri untuk meminta Anwar berucap pada satu perhimpunan pelajar di sana setelah Anwar menolak.

"Perdana Menteri arahkan saudara Anwar untuk pergi ke sana. Begitulah bagaimana saya menemui saudara Anwar," katanya.

Beliau berkata semasa perbualan telefon dengan Perdana Menteri dari Amerika Syarikat, Dr Mahathir memberitahu bahawa beliau meminta Anwar menghadiri perhimpunan itu dan "meminta saya berbincang dengan saudara Anwar mengenai apa yang disampaikan oleh PM".

Sebelum mahkamah menangguhkan sidanginya pada sesi petang, Paul menolak permohonan pembelaan untuk mengeluarkan waran tangkap kepada dua saksi yang gagal menghadirkan diri, kerana kesilapan teknik.

Perbicaraan dismabung pukul 9 pagi esok.  
-- BERNAMA  
NHD AKD